

**Terma dan syarat**  
**Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Apr 2024-Sep 2024)**  
**(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Apr 2024-Sep 2024)**  
**Tempoh Kempen: 1 April 2024 – 30 September 2024**

**PERINGATAN: Perujuk yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan sebarang terma dan syarat terkini (sekiranya ada) di mana yang akan tersedia di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Jika Perujuk yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat dan terma dan syarat terkini (sekiranya ada), Perujuk yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan wakil yang sah.**

## 1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Bank**” adalah merujuk kepada **AmBank (M) Berhad** [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad (“**AmBank Islamic**”) [Registration Company No.: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari**” bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

“**Kempen**” adalah merujuk kepada “**Kempen Ahli Dapatkan Ahli untuk Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (AmSPB)**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**ABP**” adalah merujuk individu prinsipal Aset Di Bawah Pengurusan dalam mana-mana Konvensional dan/atau Islamic deposit dan/atau pelaburan termasuk Akaun Simpanan/-i + Akaun Semasa/-i + Deposit Tetap (DT)/ Akaun Deposit-i Berjangka (DB) + pelaburan termasuk Bancassurance/ BancaTakaful yang dipegang dengan Bank.

“**AmSPB**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

“**AmSPP**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Private.

“**Pelanggan Baru Prioriti**” merujuk kepada pelanggan Bank yang mestilah bukan ahli sedia ada AmBank SIGNATURE Priority Banking atau AmBank SIGNATURE Priority Private enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.

“**AST**” merujuk kepada Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit dan/atau pelaburan Bank sedia ada;
- (b) dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam Akaun Semasa/Simpanan/-i Orang yang Dirujuk;
- (c) Deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam Akaun Semasa/Simpanan/-i Orang yang Dirujuk.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

**Terma dan syarat**  
**Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Apr 2024-Sep 2024)**  
**(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Apr 2024-Sep 2024)**  
**Tempoh Kempen: 1 April 2024 – 30 September 2024**

Istilah “**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah “**Syarikat Berkaitan**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegang atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegang kepada syarikat pertama.

**2 Tempoh Kempen**

2.1 Kempen akan **bermula pada 1 April 2024 – 30 September 2024**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) atau tempoh yang ditentukan oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu.

**3 Perujuk yang Layak**

3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan Bank (“**Perujuk**”) yang berjaya merujuk Ahli Baharu (“**Orang Yang Dirujuk**”) kepada AmSPB atau AmSPP dan Perujuk hendaklah memenuhi dan menyerahkan borang rujukan (rujuk kepada Klausula 4.1.c).

**4 Mekanik Kempen**

4.1 Butiran Kempen adalah seperti yang ditetapkan di bawah:

- a. Perujuk hendaklah berjaya merujuk Orang Yang Dirujuk untuk layak mendapat ganjaran tunai, tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan di sini.
- b. Perujuk adalah layak untuk mendapat ganjaran tunai bagi setiap rujukan yang berjaya (rujuk kepada Klausula 4.2) (“**Ganjaran**”).

**Jadual 1: Kelayakan Rujukan dan Ganjaran Tunai**

Segmen	Kelayakan Rujukan	Ganjaran Tunai
Setiap rujukan <i>Priority Banking</i> yang berjaya	Minima ABP sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen dengan syarat: 1. Membuat transaksi/melangani apa-apa Produk Pengurusan “Wealth” semasa Tempoh Kempen	Satu (1) x Ganjaran Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM500) atau menyokong inisiatif AST* dengan nilai sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)
	Minima ABP sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen	Satu (1) x Ganjaran Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) atau menyokong inisiatif AST* dengan nilai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)
Setiap rujukan <i>Priority Private</i> yang berjaya	Minima ABP sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen	Satu (1) x Ganjaran Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) atau menyokong inisiatif AST* dengan nilai sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)

*Nota: Perujuk boleh memilih untuk memberi Ganjaran Tunai kepada pertubuhan amal Bank terpilih bagi menyokong inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (AST).*

- c. Untuk melayakkan diri bagi Kempen ini, Perujuk hendaklah memberikan nama dan nombor telefon potensi Orang yang Dirujuk kepada Pengurus Perhubungan atau Pengurus Cawangan Bank dalam Tempoh Kempen dengan melengkapkan Borang Rujukan Ahli Dapatkan Ahli (“**Borang Rujukan**”).

**Terma dan syarat**  
**Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Apr 2024-Sep 2024)**  
**(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Apr 2024-Sep 2024)**  
**Tempoh Kempen: 1 April 2024 – 30 September 2024**

- 4.2 Setiap rujukan adalah dianggap berjaya sekiranya semua kriteria di bawah telah dipenuhi, tertakluk pada terma dan syarat di dalam ini ("**Rujukan Berjaya**"):
- a. Orang yang Dirujuk mestilah Pelanggan Baru Prioriti;
  - b. Orang yang Dirujuk mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
  - c. Orang yang Dirujuk mestilah seorang ahli baharu AmSPB atau AmSPP dengan mengekalkan ABP dan/atau melanggan Produk Pengurusan *Wealth* pada tamat Tempoh Kempen berdasarkan Jadual 1: Kelayakan Rujukan dan Ganjaran Tunai seperti di atas.
  - d. Produk Pengurusan "Wealth" yang Layak ("**Product yang Layak**") di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
    - i. Amanah Saham / Amanah Saham Patuh Shariah
    - ii. Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah (ASNBV)
    - iii. Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Tetap (ASNBF)
    - iv. Bon / Sukuk
    - v. Produk Berstruktur
    - vi. "Dual Currency Investment"
    - vii. "Bancassurance" / Bancatakaful
  - e. Bagi Rujukan Berjaya yang diterima di antara 1 April 2024 hingga 30 Jun 2024, ABP bagi Orang yang Dirujuk akan ditentukan mengikut 30 Jun 2024.
  - f. Bagi Rujukan Berjaya yang diterima di antara 1 Julai 2024 hingga 30 September 2024, ABP bagi Orang yang Dirujuk akan ditentukan mengikut 30 September 2024.
- 4.3 Sekiranya Orang yang Dirujuk telah dirujuk oleh lebih daripada seorang Perujuk, Borang Rujukan pertama yang diterima oleh Bank akan membolehkan Perujuknya berhak mendapat Ganjaran Tunai apabila Rujukan Berjaya.
- 4.4 Tidak terdapat had untuk bilangan rujukan yang boleh dirujuk oleh setiap Perujuk di sepanjang Tempoh Kempen. Dengan melengkapkan dan menyerahkan Borang Rujukan, Perujuk dianggap sebagai mewakili, berjanji dan mengesahkan yang berikut:
- a. Perujuk telah mendapat kebenaran daripada Orang yang Dirujuk untuk menyerahkan nama dan nombor telefonnya kepada Bank bagi tujuan Kempen ini.
  - b. Orang yang Dirujuk tidak membantah untuk dihubungi oleh Bank.
  - c. Perujuk tiada bantahan untuk namanya beliau didedahkan kepada Orang yang Dirujuk, bagi tujuan Kempen ini.
- 4.5 Apabila Orang yang Dirujuk telah memenuhi Klausula 4.2, Perujuk tersebut berhak menerima Ganjaran Tunai untuk setiap rujukan yang berjaya.
- 4.6 Perujuk yang mengambil bahagian dalam Kempen ini dan layak menerima ganjaran, adalah tidak layak untuk mana-mana promosi yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.7 Semua deposit mestilah dalam bentuk **Dana Baharu sahaja**.
- 4.8 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

## 5 Ganjaran

- 5.1 Jumlah ganjaran kos bagi Kempen ini adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Puluh Lapan Ribu (RM28,000) dan ia akan diberi ganjaran berdasarkan **Siapa Cepat Dia Dapat**.
- 5.2 Bank berhak untuk mengubah atau menukar ganjaran tunai ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Perujuk akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.

**Terma dan syarat**  
**Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Apr 2024-Sep 2024)**  
**(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Apr 2024-Sep 2024)**  
**Tempoh Kempen: 1 April 2024 – 30 September 2024**

- 5.4 Pemenuhan Ganjaran Tunai akan tertakhluk kepada:
- a) Perujuk yang mengambil bahagian dalam Kempen ini akan layak untuk menerima Ganjaran Tunai sekiranya Perujuk mengisi dengan lengkap dan menandatangani Borang Pengisian Kempen. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/Semasa/-i Perujuk yang aktif yang dikekalkan dengan Bank dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja selepas tempoh Kempen berakhir. Akaun Simpanan/Semasa/-i haruslah di bawah nama Perujuk sebagai pemegang akaun tunggal, atau sekiranya ia adalah akaun Bersama, Perujuk haruslah pemegang akaun prinsipal.
  - b) Perujuk akan menerima satu pemberitahuan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau atau cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank apabila Ganjaran Tunai telah dikreditkan ke dalam akaun mereka oleh Bank. Ganjaran Tunai yang dikreditkan juga akan dicerminkan di dalam penyata akaun Perujuk yang dikeluarkan selepas Ganjaran Tunai dikreditkan.
  - c) Pada masa pengkreditan Ganjaran Tunai ke dalam Akaun Semasa/Simpanan/-i Perujuk dikekalkan dengan Bank, semua akaun mereka dengan Bank MESTILAH berada dalam kedudukan baik seperti yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya (iaitu, ia HENDAKLAH TIDAK melanggar mana-mana Terma dan Syarat Umum Akaun dan Perkhidmatan, dan/atau menjadi tidak sah atau terbatal), jika sebaliknya, Ganjaran Tunai akan dinyahhakkan.
  - d) Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Perujuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke dalam mana-mana akaun lain kepunyaan Perujuk.

## 6 Kehilangan Kelayakan

- 6.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Perujuk kepada AmSPB atau AmSPP daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- (a) Perujuk tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
  - (b) Perujuk tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.
- 6.2 Semua kakitangan jualan dan perkhidmatan yang tag di bawah Agihan Runcit, Cawangan Runcit & Segmen Pengguna dan Analisis Runcit **ADALAH TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini.

## 7 Liabiliti

- 7.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

## 8 Umum

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum yang terdapat melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan anda dalam Kempen ini menunjukkan penerimaan anda terhadap terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Umum.

- 8.1 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 8.2 Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.

### Terma dan syarat

#### **Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Apr 2024-Sep 2024) (AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Apr 2024-Sep 2024) Tempoh Kempen: 1 April 2024 – 30 September 2024**

- 8.3 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 8.5 Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 8.6 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Perujuk dan Orang yang Dirujuk yang mengambil bahagian.
- 8.7 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.
- 8.8 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan Kempen akibat sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 8.9 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 8.10 Versi Bahasa Malaysia bagi terma dan syarat ini juga boleh didapati di [www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions).
- 8.11 Perujuk adalah dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 8.12 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Perujuk boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Priority Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).